

21/10/2001

Pengusaha lori akan naikan kadar upah

MUAR: Pengusaha lori akan menaikkan kadar upah ke tahap maksimum iaitu 25 sen setan untuk setiap 1.6 kilometer manakala syarikat bas merayu diberikan subsidi petrol dan diesel berikutan kenaikan 10 sen harga bahan bakar mulai semalam.

Presiden Persatuan Pengusaha Lori Pan Malaysia (PMLOA), Er Sui See, berkata ketika ini, pengusaha lori mengenakan upah 18 sen bagi setiap tan untuk jarak 1.6 kilometer (satu batu).

Katanya, upah itu kadar yang diluluskan kerajaan menerusi Ordinan Pengangkutan Jalan yang membenarkan upah maksimum sehingga 25 sen bagi setiap tan untuk jarak 1.6 kilometer.

"Ahli PMLOA juga mengenakan upah berdasarkan kadar minimum yang dibenarkan kerajaan pada 1958. Berikutan kenaikan harga petrol dan diesel, kami tidak ada pilihan selain menyemak kadar yang dikenakan selama ini.

"Kenaikan 10 sen diesel dan petrol akan membeban industri pengangkutan yang sudah terjejas teruk sejak kegawatan ekonomi 1997.

"Malah, sejak serangan penganas terhadap Amerika Syarikat bulan lalu, kira-kira 40 peratus lori sudah tidak mempunyai kargo. Kenaikan harga bahan api ini menyebabkan kami semakin tertekan," katanya.

Kelmarin ketika membentangkan Belanjawan 2002, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menyediakan subsidi yang besar sebanyak RM4.4 bilion yang mana lebih separuh adalah bagi subsidi bahan petroleum.

"Bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan, saya mencadangkan supaya subsidi dikurangkan dengan meningkatkan harga runcit diesel sebanyak 10 sen seliter," katanya sambil menambah, subsidi diesel dihadkan kepada bekalan untuk kegunaan pengangkutan darat, kerajaan dan bot nelayan saja.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Bas Pan Malaysia, Tun Sulaiman Ninam Shah, berkata beliau akan memanggil mesyuarat tergepar persatuan itu secepat mungkin bagi membahaskan isu kenaikan harga diesel dan petrol.

Katanya, walaupun kerajaan membenarkan persatuan menaikkan tambang antara 10 hingga 30 peratus Julai lalu, tetapi kesan kenaikan harga bahan api menyebabkan keuntungan syarikat bas terhakis dan mengalami kerugian.

"Walaupun Belanjawan 2002 yang diumumkan secara keseluruhan cukup baik tetapi kami tidak puas hati terhadap kenaikan harga minyak kerana akan menjejaskan operasi kira-kira 4,000 pelbagai perkhidmatan di seluruh negara.

"Persatuan berharap kerajaan memberi geran atau subsidi penggunaan diesel dan petrol kepada syarikat bas yang terbabit kerana kami tidak mahu menaikkan tambang yang boleh menjejaskan pengguna," katanya.

(END)